

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 26 JUN - 2 JULAI 2017 • 2 - 8 SYAWAL 1438

BIL: 12



Tiga elemen Ops Raya 2017

JBPM sedia berkhidmat

● Keselamatan pusat
beli-belah

● Kecemasan kebakaran
& penyelamatan

● Keselamatan
jalan raya

muka 2

*Korban masa
bersama keluarga
demi tugas*

muka 3



*SPP bantu golongan
berpendapatan
rendah miliki
rumah muka 4*



*EMRS berirawatan
awal kepada
mangsa muka 6*

**SIDANG REDAKSI****PENASIHAT**

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Pelaksanaan Ops Raya 2017

Penguasa Bomba Mohammad Hafiezul Abdul Halim memantau situasi sepanjang Ops Raya 2017 di Pusat Gerakan Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Malaysia di Putrajaya.

JBPM fokus tiga elemen

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memberi tumpuan kepada tiga elemen iaitu keselamatan di kompleks beli-belah, panggilan kecemasan kebakaran dan penyelamatan di kawasan kediaman serta Ops Selamat yang lebih fokus terhadap aspek keselamatan jalan raya dalam Ops Raya 2017 yang bermula pada 18 Jun lalu sehingga 4 Julai ini.

Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi), Datuk Soiman Jahid berkata, sebahagian besar pusat beli-belah mengalami kesesakan dalam masa beberapa minggu menjelang musim perayaan ekoran peningkatan jumlah pengunjung yang datang untuk membeli pelbagai barangan keperluan.

"Jadi, bagi memastikan para pengunjung berada dalam keadaan selamat dan selesa, JBPM mengadakan pemeriksaan secara berterusan bagi memastikan premis-premis tersebut bebas daripada bahaya kebakaran.

"Ini termasuk memastikan laluan keluar adalah selamat di lorong-lorong kecemasan, tidak dihalang oleh barang-barang perniagaan, pintu-pintu keluar boleh dibuka dan tidak dikunci sama ada dari dalam atau luar serta tanda-tanda kecemasan berada dalam keadaan elok," katanya.

Bagi panggilan kecemasan dari kawasan kediaman, jelas Soiman, terdapat peningkatan kebakaran di rumah semasa musim perayaan berikutan kegagalan penghuni menutup suis-suis peralatan elektrik seperti radio, televisyen, mesin basuh, peti ais, penyaman udara dan sebagainya sehingga menyebabkan peralatan menjadi terlebih panas serta berlaku litar pintas yang boleh menyebabkan kebakaran.

"Malah, ada yang tidak menanggalkan sambungan gas memasak di rumah dan sekiranya berlaku kebocoran kesan daripada gigitan haiwan, gas akan terperap dalam ruang dapur dan apabila terkena sumber api sahaja maka akan berlaku letupan atau ke-

bakaran di rumah tersebut.

"Justeru, kita menyeru kepada orang ramai yang ingin meninggalkan rumah dalam tempoh yang agak lama, pastikan rumah berada dalam keadaan yang selamat dan suis-suis ditutup dengan rapi," jelasnya.

Beliau menambah, Ops Selamat pula memberi tumpuan khusus kepada insiden kemalangan yang berlaku di dua lebuh raya utama iaitu Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT).

"Aset-aset JBPM dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ditempatkan di 19 buah lokasi strategik, 15 lokasi sepanjang PLUS dan empat lokasi di LPT seperti plaza tol serta hentian rehat dan rawat (R&R).

"Dalam hal ini, sebanyak 209 anggota bomba yang dilengkapi dengan jentera akan menjadi 'responder' pertama sekiranya berlaku kemalangan dan mereka berupaya tiba di lokasi kejadian lebih pantas," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya memastikan kenderaan diselenggara, mematuhi peraturan jalan raya dan tidak menggunakan laluan kecemasan semasa kesesakan jalan raya supaya tidak menghalang kelancaran perjalanan jentera bomba ke lokasi kemalangan.

Pada masa sama, Soiman mengingatkan orang ramai agar menjaga keselamatan diri dan anak-anak di kawasan rekreasi seperti di pantai dan air terjun.

"Semoga rakyat Malaysia menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan selamat. Sekiranya berlaku kemalangan atau kecemasan, sila hubungi talian 999.

"Syabas dan tahniah atas pengorbanan yang semua anggota bomba yang berikan bagi memastikan rakyat Malaysia berada dalam keadaan selamat, semoga pengorbanan ini diredhai Allah SWT," katanya.

Ops Raya 2017 melibatkan sebanyak 10,000 anggota bomba dari 282 Balai Bomba dan Penyelamat serta mereka dilengkapi dengan 200 buah ambulans, empat buah pesawat dan 500 buah jentera pelbagai jenis.



Anggota bomba akan menjadi responder pertama terhadap panggilan kecemasan membabitkan nahas jalan raya sepanjang pelaksanaan Ops Raya 2017.



DATUK SOIMAN JAHID

19 lokasi strategik Ops Raya

KEDAH

- Pejabat PLUS Gurun KM81.3 (S)

P. PINANG

- Plaza Tol Juru KM145 (U)

PERAK

- Pejabat PLUS Taiping KM205 (U)
- Pejabat PLUS Kuala Kangsar (S)
- Pejabat PLUS Tapah KM327 (U)
- Pejabat PLUS Slim River KM372 (U)

SELANGOR

- Pejabat PLUS Rawang KM444 (S)
- Plaza Tol Putra Mahkota KM404 (S)

N. SEMBILAN

- Plaza Tol Senawang KM256 (S)

MELAKA

- Plaza Tol Simpang Ampat KM217 (U)

JOHOR

- Plaza Tol Bukit Gambir KM157 (S)
- Plaza Tol Sedenak KM41
- Plaza Tol Yong Peng KM100 (S)
- Plaza Tol Kempas KM7 (U)

PAHANG

- R&R Genting Sempah KM38.4 (B)
- R&R Temerloh KM129.6 (T)
- R&R Gambang KM38.4 (B)

TERENGGANU

- Pejabat PLUS Ajil KM434 (T)
- R&R Perasing KM258.6 (T)

Dua anggota bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya memeriksa pakaian serta peralatan yang akan digunakan dalam operasi menyelamat sepanjang Ops Raya 2017.



Korban masa bersama keluarga demi tugas

DALAM keseronokan umat Islam di negara ini menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga, kira-kira 80 peratus anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ini bertugas sepanjang pelaksanaan Ops Raya 2017 sekali gus membuktikan komitmen mereka dalam memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan.

Salah seorang daripada mereka ialah Penolong Pengarah Operasi JBPM Putrajaya, Noraziah Hassan.

Beliau bukan sahaja berupaya melaksanakan pelbagai tugas berat yang biasanya dipikul oleh kaum lelaki malah sanggup mengorbankan masa berharga bersama suami dan tiga orang anaknya terutama pada Aidilfitri demi melaksanakan tugas hakiki.

"Memang ada kisah suka dan duka sepanjang bertugas selama 27 tahun dan beberapa ketika tidak dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Namun, kami sebagai anggota bomba sememangnya memerlukan kekuatan mental untuk menempuh segala bentuk cabaran yang mendatang dan menyesuaikan diri dengan kerjaya ini.

"Walaupun tidak menyambut hari raya seperti orang lain, saya bersyukur dan berbangga kerana dapat berkhidmat sebagai anggota bomba, ibu dan ayah sendiri redha dengan kerjaya saya, anak-anak pun dapat menerimanya, malah kepercayaan dan perasaan sayang itu semakin kuat," katanya yang berasal dari Padang Rengas, Perak.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi



**NORAZIAH
HASSAN**



**ZULHAIMI ABDUL
RAHMAN**



**MOHD. HANAPIAH
ABDUL MAJID**



Petugas-petugas Cawangan Pengurusan Pusat Gerakan Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Malaysia di Putrajaya yang bertugas sepanjang Ops Raya 2017.

Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Zulhaimi Abdul Rahman memberitahu, dalam kesibukan menjawab panggilan kecemasan setiap hari dan mengendalikan kes-kes utama, perasaan rindu terhadap kampung halaman di Semanggol, Perak tetap muncul.

"Sememangnya terasa rindu untuk pulang ke kampung setiap kali tiba hari raya tetapi ini sudah menjadi tugas seorang ahli bomba, bertugas tidak kira masa dan perlu berkorban.

"Bertugas pada hari raya sudah cukup mencabar, namun apa yang penting, tanamkan semangat ingin membantu orang ramai yang menghadapi masalah walaupun pada hari raya," jelasnya.

Dalam pada itu, Pembantu Penyelia Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Mohd. Hanapia Abdul Majid berkata, beliau pernah rasa terkilan kerana beberapa kali tidak dapat pulang ke kampungnya di Teluk Intan, Perak pada hari raya.

Walau bagaimanapun, beliau kini menganggap perkara itu sebagai sebahagian daripada cabaran sebagai seorang anggota bomba.

"Kadang-kadang ahli keluarga ada juga bertanya mengapa orang lain boleh bercuti dan saya tidak, namun lama-kelamaan mereka dapat memahami tugas saya.

"Tiada masalah untuk bertugas pada hari raya, asalkan orang ramai berpuas hati dengan perkhidmatan bomba dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa, itu pun sudah memadai," katanya.



Seorang mekanik, Rusli Mohamed Naser yang tinggal menyewa di Kg. Baru Mukim Siong Baling, Kedah akhirnya berjaya memenuhi impiannya memiliki sebuah rumah sendiri.



SPP bantu golongan berpendapatan rendah miliki rumah

SEBANYAK 1,011 daripada 1,140 permohonan yang diterima bagi Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah (SPP) telah diluluskan sepanjang tahun 2016.

Kelulusan tersebut melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM45 juta.

Menerusi skim pinjaman perumahan berkenaan, semakin ramai golongan yang berpendapatan rendah telah berjaya memiliki kediaman sendiri.

SPP telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

pada tahun 1975.

Skim tersebut diperkenalkan setelah Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah diwujudkan oleh Kerajaan.

Kumpulan Wang ini bertujuan membolehkan kerajaan memberi pinjaman perumahan kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah bagi membantu mereka memiliki rumah sendiri.

Rumah yang dibina menerusi skim ini merupakan rumah sebuah seting-

kat dengan keluasan lantai antara 700 hingga 1000 kaki persegi serta dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air, ruang tamu dan dapur.


Ia akan dibina menggunakan dana pinjaman sebanyak RM45,000 dengan tempoh maksimum bayaran balik pinjaman selama 30 tahun.

Skim yang hanya mengenakan caj perkhidmatan sebanyak dua peratus itu merupakan titik sentuhan kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri.



Luai A/P Prom tinggal di Kg. Behor Gelam Arau, Perlis merupakan seorang peniaga kedai runcit yang sebelum ini menumpang di rumah keluarga dan kini telah memilik rumah beliau sendiri.


PENERIMA PI DI SEMENANJU





Mohd Hidayat Samsuri berasal dari Beruas, Manjung, Perak bekerja sebagai penternak ayam kampung dengan pendapatan RM2,000 sebulan kini telah memiliki rumah sendiri.

INJAMAN SPP UNG MALAYSIA



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Bagaimanakah aspek keselamatan ditekankan dengan risiko tugas yang dihadapi oleh anggota bomba?

Dari aspek keselamatan semasa bertugas, pegawai bomba diarahkan untuk mematuhi Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 2012 dengan berpandukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) bagi mewujudkan budaya kerja yang kondusif dan selamat.

Dalam melaksanakan operasi kebombaan pula, setiap pegawai bomba dibekalkan peralatan dan pakaian perlindungan (PPE) seperti topi keledar, jaket kalis api, sarung tangan, penutup kepala dan kasut kalis api bagi memastikan keselamatan semasa bertugas.

Di samping itu juga, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melalui Bahagian Latihan dan Akademi Bomba telah melaksanakan pelbagai kursus dan latihan pengukuhan kepada pegawai-pegawai bomba di seluruh negara untuk

MENTERI JAWAB

meningkatkan kompetensi dan kemahiran individu bagi menghadapi kebakaran serta kecemasan dengan lebih efektif dan selamat.

■ Sidang Dewan Rakyat, 7 Mac 2017

2 Adakah kementerian akan mempertimbangkan pemberian elaun bulanan sekurang-kurangnya RM500 kepada setiap warga bomba?

✓ Sebenarnya kalau kita hendak selaraskan elaun risiko ini dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan sebagainya, kalau tidak silap saya, sebanyak RM200 sebulan.

✓ Jadi, kalau yang kita mohon pun adalah penyelarasan supaya kalau polis boleh dapat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) boleh dapat, mengapa bomba tidak boleh dapat. Ini yang sedang kita perjuangkan dan insya Allah, kita harap kerajaan akan berikan kelulusan ini.

■ Sidang Dewan Rakyat, 7 Mac 2017



Tindakan menyelamatkan mangsa kemalangan merupakan salah satu tugas yang dijalankan pasukan EMRS.



» Peranan dan fungsi EMRS telah berkembang dengan lebih meluas dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. EMRS juga melaksanakan tugas pemedaman, penyelamatan dan khidmat khas atau lain-lain tugas mengikut operasi kebombaan yang dihadiri."

EMRS beri rawatan awal kepada mangsa

PASUKAN Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan atau Emergency Medical Rescue Services (EMRS) merupakan pasukan khas yang diwujudkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pasukan tersebut bertujuan membantu melaksanakan rawatan perubatan kecemasan semasa menghadiri operasi pemedaman dan penyelamatan. EMRS bukan sahaja diberikan kepada anggota penyelamat dan petugas yang melaksanakan operasi kebombaan malah pasukan itu juga memberi perkhidmatan rawatan kecemasan awal kepada mangsa atau anggota yang tercedera di tempat kejadian dan sekiranya perlu, menghantar mereka ke hospital untuk rawatan lanjut.

EMRS juga mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui prarawatan hospital dan ambulans bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat dapat dilaksanakan dengan cepat, cekap dan berkesan. Untuk mencapai tahap perkhidmatan yang berkualiti, EMRS sentiasa mendapat bimbingan, latihan dan penyeliaan berterusan daripada pegawai perubatan dan pakar perubatan KKM.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, terdapat peningkatan bilangan kes-kes yang memerlukan perkhidmatan EMRS. Dari statistik yang dikumpulkan sepanjang tiga tahun, iaitu pada tahun 2014,

2015 dan 2016 menunjukkan bilangan perkhidmatan EMRS telah meningkat setiap tahun.

JBPM telah dibekalkan sebanyak 200 unit jentera ambulans di seluruh negara bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan perkhidmatan pasukan. Penggunaan jentera EMRS telah memberikan impak yang besar kepada penyelamatan nyawa mangsa-mangsa yang terlibat.

Sehingga kini, EMRS mempunyai seramai 1,636 anggota terlatih dan jum-

lah itu akan ditambah untuk mencapai sasaran 2,400 orang dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2016, sebanyak 15,482 kes yang dihadiri oleh EMRS ke tempat kejadian yang meliputi operasi kebakaran, operasi penyelamatan dan operasi tugas-tugas khas.

Manakala pada tahun 2015 sebanyak 7,167 kes yang dihadiri dan pada tahun 2014 sebanyak 1,331 kes yang dihadiri. Ini menunjukkan kepercayaan

masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh anggota JBPM dalam memberikan rawatan awal kepada mangsa.

Peranan dan fungsi EMRS telah berkembang dengan lebih meluas dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. EMRS juga melaksanakan tugas pemedaman, penyelamatan dan khidmat khas atau lain-lain tugas mengikut operasi kebombaan yang dihadiri.



Pasukan EMRS memberi rawatan awal kepada mangsa yang cedera di tempat kejadian.



EMRS mengadakan kolaborasi dengan KKM melalui prarawatan hospital dan ambulans.

BICARA MENTERI

Apabila harga tali lebih mahal daripada lembu

PADA tahun 2015, saya pernah memberi kenyataan yang menegaskan bahawa tindakan Kerajaan Negeri Selangor menetapkan kadar premium tanah yang tinggi terhadap projek-projek Kerajaan Persekutuan boleh membantutkan usaha membantu rakyat negeri itu.

Saya membangkitkan isu tersebut ketika itu berikutan kadar premium tanah sebanyak RM70 juta yang dikenakan bagi projek kampus Universiti Kuala Lumpur-Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (UniKL-MIAT) di Subang adalah terlalu tinggi.

Dan saya masih ingat pada masa itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memberi alasan bahawa kadar premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bukan hanya dikenakan terhadap projek Kerajaan Persekutuan tetapi kepada semua pihak.

Walaupun mengetahui semua projek-projek Kerajaan Persekutuan adalah demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira fahaman politik atau parti yang menjadi 'kiblat' mereka, namun ternyata ia tidak mendapat pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor.

Ia terbukti apabila dalam kes

terbaharu melibatkan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Setia Alam, kerajaan negeri menetapkan harga premium hampir RM5 juta bagi tapak tanah untuk projek tersebut.

Untuk makluman, pembinaan balai yang bertujuan memastikan keselamatan kira-kira 100,000 penduduk melibatkan kos sekitar RM3 juta. Kalau kadar premium tidak tinggi, tahun 2016 lagi balai itu sudah berdiri tegak di Setia Alam.

Tetapi malangnya ia tidak menjadi kenyataan kerana Kerajaan Negeri Selangor lebih mementingkan keuntungan sehingga sanggup menyetepikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Saya berkata demikian kerana pembinaan balai itu bukanlah bermotif politik tetapi sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan mewujudkan kemudahan demi kepentingan rakyat dan sepatutnya kerajaan negeri memainkan peranan bagi memudahkan proses tersebut.

Walau bagaimanapun, perkara itu tidak berlaku di Selangor, sebaliknya kerajaan negeri mahu mengaut keuntungan 'atas angin' melalui projek-projek yang dijalankan biar pun ia semata-mata demi kesejahteraan rakyat.

Tanah untuk membina balai bomba tersebut asalnya milik pemaju tetapi

diserahkan kepada kerajaan negeri dan apabila Kerajaan Persekutuan mahu melaksanakan projek tersebut, kadar premium yang dikenakan adalah RM4.9 juta.

Harga itu boleh dianggap tidak munasabah kerana lebih mahal daripada harga projek. Ini bagaikan kita mahu membeli seekor lembu, bila ditanya 'harga tali lebih mahal daripada harga lembu'. Itu perbandingan dengan tindakan Kerajaan Negeri Selangor dalam isu tersebut.

Ini bukan kali pertama situasi seumpama ini berlaku. Sebelum ini, kerajaan negeri juga mengenakan harga premium yang tinggi iaitu RM2.4 juta bagi tapak untuk membina balai bomba dan penyelamat di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh.

Pembinaan balai bomba adalah demi menjaga harta benda dan nyawa penduduk Selangor daripada sebarang bencana khususnya kebakaran, tetapi malangnya kepentingan ini seolah-olah tidak ada dalam kamus pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Walaupun menyedari projek-projek itu demi kebaikan rakyat tetapi Kerajaan Negeri Selangor bagaikan mengamalkan prinsip, "kalau nak, ambil... kalau tak nak... sudah". Justeru, saya menggesa kerajaan negeri tersebut bertimbang rasalah,

janganlah memikirkan berapa banyak keuntungan yang mahu dikaut tetapi fikirkan juga berapa ribu nyawa penduduk Selangor menjadi taruhan jika balai-balai bomba tersebut tidak dibina.

Bagi Kerajaan Persekutuan khususnya KPKT, kami tidak akan berputus asa untuk memastikan projek berkenaan direalisasikan atau menjadi kenyataan biarpun apa juga cabaran yang dihadapi. Ini kerana keutamaan saya, KPKT dan Kerajaan Persekutuan adalah membela nasib rakyat dengan menyediakan kemudahan kepada mereka sebaik mungkin.

Diharapkan hasrat ini juga ada pada Kerajaan Negeri Selangor. Janganlah bijak menabur janji atau bersuara lantang kononnya mahu memastikan rakyat negeri itu menikmati kemakmuran dan kesejahteraan sedangkan mahu membina sebuah balai bomba pun ada masalah. Lebih aneh masalah itu bukan susah sangat untuk diselesaikan, tetapi ia menjadi sukar kerana kerajaan negeri tersebut lebih mempertimbangkan segalanya dari sudut politik. Inilah jadinya!

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Buka Puasa TPM

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Tan Sri Noh Omar hadir ke Majlis Berbuka Puasa di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 15 Jun lalu.



Sumbangan

Tan Sri Noh Omar menyerahkan sumbangan untuk anak-anak yatim di Kampung Melaka, Hulu Langat, Selangor pada 17 Jun lalu.



Turut Hadir

Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek turut menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Menteri Kabinet di Seri Perdana, Putrajaya pada 25 Jun lalu.



Bantuan

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menyampaikan sumbangan makanan dan duit raya ketika melawat rumah Ahmad Selamad dan Faizah Md. Ambiah yang merupakan antara keluarga yang menerima bantuan Program Baik Pulih Rumah di Kuala Langat, Selangor pada 16 Jun lalu. Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.



Bersama Orang Asli

Datuk Halimah Mohamed Sadique meluangkan masa memasak dan mengagihkan bubur lambuk serta menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri dalam Majlis Ihya Ramadhan di Perkampungan Orang Asli Sayong Pinang, Kota Tinggi, Johor pada 17 Jun lalu.



Bantu Etnik Rohingya

Seramai 280 keluarga etnik Rohingya menerima sumbangan wang zakat dan makanan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Pejabat Parlimen Tenggara. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique pada Majlis Sentuhan Kasih Ihya Ramadhan Bersama Warga Rohingya di Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor pada 18 Jun lalu.



Rumah Terbuka PM

Tan Sri Noh Omar menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan Menteri-menteri Kabinet di Seri Perdana, Putrajaya pada 25 Jun lalu.



Raya Di Beranang

Tan Sri Noh Omar menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Beranang, Selangor baru-baru ini.



Agih Bahulu

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek mengagihkan kuih bahulu dan sampul duit raya kepada warga KPKT dalam Program Agihan Kuih Raya dan Sampul Duit Raya bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2017 anjuran Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) pada 20 Jun lalu.



46 aduan gagal kemuka dokumen perjanjian

KEGAGALAN syarikat pemberi pinjam wang (PPW) berlesen mengemukakan dokumen perjanjian seperti Jadual J atau Jadual K merupakan antara kesalahan terbanyak dilakukan sepanjang tahun ini.

Dalam peraturan ditetapkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan 2011) atau Akta 400, setiap peminjam berhak menerima salinan dokumen perjanjian daripada syarikat PPW.

Setiausaha Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ahmad Nizam Norali berkata, pihaknya telah menerima sebanyak 46 aduan berkaitan kesalahan tersebut sepanjang tahun ini.

"Setiap pinjaman yang dilakukan dengan PPW berlesen wajib diberikan suatu salinan perjanjian pinjaman yang mengandungi butiran pinjaman, tempoh serta kadar bayaran balik ansuran bulanan.



AHMAD NIZAM NORALI

"Peminjam-peminjam seharusnya sedar bahawa mereka perlu mendapatkan salinan dokumen perjanjian iaitu Jadual J atau Jadual K ketika melakukan proses pinjaman," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Nizam berkata, perbuatan menjalankan perniagaan tanpa lesen sah serta mengenakan kadar faedah tinggi juga merupakan antara kesalahan lain

yang sering dilakukan syarikat PPW berlesen.

"Kadar faedah pinjaman telah ditetapkan di bawah Akta 400. Bagi pinjaman bercagar, kadar faedah dibenarkan tidak melebihi 12 peratus setahun dan bagi pinjaman tanpa cagar pula tidak boleh melebihi 18 peratus setahun.

"Walau bagaimanapun, ada PPW yang mengenakan kadar lebih daripada itu dan ia dikesan apabila kita menerima masing-masing tiga aduan bagi setiap kesalahan tersebut sepanjang tahun ini," jelasnya.

Beliau menambah, antara kesalahan lain yang sering dilakukan syarikat PPW adalah tiada resit rasmi pembayaran pinjaman serta alamat operasi yang tidak tepat.

"Bagi kes-kes yang melibatkan pemberi pinjam wang tanpa lesen atau lebih umum dikenali sebagai 'ah long' akan diurus dan disiasat oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.



PPW berlesen mesti menyerahkan dokumen perjanjian pinjaman kepada peminjam. - Gambar hiasan.

Kesalahan Syarikat Pemberi Pinjaman Wang

Jenis Kesalahan	Jumlah Aduan
Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen Sah	3
Kadar Faedah Tinggi	3
Tiada Dokumen Perjanjian Pinjaman Diserahkan	46
Tiada Resit Rasmi Pembayaran Pinjaman	1
Perubahan Pengarah	1
Alamat Operasi	5
Pindah Milik Lesen	3
Lesen Perlu Dipamerkan	3
Iklan	1
Jumlah	66
*Setakat 7 Jun 2017	

BPKP tumpu aktiviti kesihatan persekitaran



Fungsi Unit Kawalan Keselamatan Makanan

- Merancang, mengurus dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan di PBT.
- Menyediakan garis panduan teknikal berkaitan keselamatan dan kualiti makanan sebagai panduan kepada PBT.
- Mengkaji, mengusul dan meminda undang-undang kecil yang berkaitan dengan aktiviti kawalan serta keselamatan makanan.
- Merancang dan mengadakan program latihan dan kursus di peringkat kebangsaan dan tempatan.
- Mengurus dan menganalisis data berkaitan keselamatan serta kualiti makanan.
- Memberi khidmat nasihat teknikal mengenai kesihatan persekitaran kepada PBT dan PBN.

BAHAGIAN Perundingan Kesihatan Persekitaran (BPKP), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) ditubuhkan pada tahun 2007 bagi menumpukan semua aktiviti kesihatan persekitaran yang sebelum ini diletakkan di bawah Bahagian Kejuruteraan. Mulai 15 Jun 2015, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan penstrukturan semula bahagian tersebut dengan penjenamaan baharu dan seterusnya dikenali sebagai BPKP.

BPKP diketuai oleh Ketua Perunding yang dibantu oleh empat orang Perunding Kanan dan empat orang Perunding dan empat orang Perunding. Ia terbahagi kepada empat unit iaitu Unit Kawalan Penyakit dan Vektor, Unit Kawalan Pusat Penyembelihan dan Pasar, Unit Kawalan dan Keselamatan Makanan serta Unit Penyelenggaraan dan Kawalan Stesen Pencegah Penyakit.

Fungsi setiap unit adalah merancang, mengurus dan menilai aktiviti-aktiviti di peringkat Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi

Perancangan, pengurusan dan penilaian aktiviti kawalan kebersihan dan kesihatan di pasar bagi panduan PBT merupakan salah satu fungsi di bawah tanggungjawab BPKP.

panduan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). BPKP berperanan dalam membuat agihan peruntukan program Kesihatan Persekitaran kepada PBT di seluruh Malaysia.

Selain itu, BPKP juga bertanggungjawab dalam menyediakan garis panduan teknikal, mengkaji, mengusulkan dan meminda undang-undang kecil PBT yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan. Bagi memantapkan lagi aspek modal insan, BPKP merancang serta mengadakan program latihan dan kursus di peringkat kebangsaan dan tempatan.

Bagi menangani isu-isu semasa, BPKP akan menyelaras, menganjur dan membantu kempen-kempen yang dilaksanakan oleh JKT dan PBT serta memberi khidmat nasihat teknikal mengenai kesihatan persekitaran kepada PBT dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kesemua aktiviti yang dijalankan ini akan melibatkan pengumpulan dan penganalisaan data-data bagi tujuan pemantauan serta penambahbaikan.

Fungsi Unit Kawalan Pusat Penyembelihan dan Pasar

- Merancang, mengurus dan menilai aktiviti kawalan kebersihan serta kesihatan di pusat penyembelihan dan pasar bagi panduan PBT.
- Menyediakan garis panduan dalam kawalan kebersihan pusat penyembelihan dan pasar serta Prosedur Operasi Standard (SOP) penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT.
- Mengkaji, merangka dan meminda undang-undang kecil yang berkaitan dengan aktiviti kawalan pusat penyembelihan dan pasar dan kawalan anjing terbiar di kawasan PBT.
- Merancang dan mengadakan program latihan serta kursus di peringkat kebangsaan dan tempatan.
- Mengurus dan menganalisis data pusat penyembelihan dan pasar serta penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di PBT.
- Memberi khidmat nasihat teknikal mengenai kesihatan persekitaran kepada PBT dan PBN.
- Menyelaras, menganjur serta membantu kempen-kempen kebersihan, pendidikan dan kesedaran berkaitan pasar serta pusat sembelihan yang dilaksanakan JKT dan PBT.

Fungsi Unit Penyelenggaraan dan Kawalan Stesen Pencegah Penyakit

- Merancang, mengurus dan menilai aktiviti kesihatan di stesen pencegah jangkit (kolam renang, tandas).
- Menyediakan garis panduan teknikal berkaitan kawalan stesen pencegah jangkit sebagai panduan kepada PBT.
- Mengkaji, mengusul dan meminda undang-undang kecil yang berkaitan dengan aktiviti penyelenggaraan serta kawalan stesen pencegah jangkit.
- Merancang serta mengadakan program latihan dan kursus di peringkat kebangsaan dan tempatan.
- Mengurus dan menganalisis data stesen pencegah jangkit di kawasan PBT.
- Menyelaras, menganjurkan dan membantu kempen-kempen kebersihan serta kesihatan yang dilaksanakan oleh kementerian dan PBT.
- Memberi khidmat nasihat teknikal berkenaan penyelenggaraan serta kawalan stesen pencegah jangkit kepada PBT dan PBN.

FUNGSI UNIT KAWALAN PENYAKIT DAN VEKTOR

Merancang, mengurus dan menilai aktiviti kawalan penyakit dan vektor di JKT bagi panduan PBT.

Menyediakan garis panduan teknikal dalam aktiviti kawalan penyakit dan vektor.

Mengkaji, mengusulkan dan meminda undang-undang kecil PBT yang berkaitan dengan aktiviti kawalan penyakit dan vektor.

Merancang dan mengadakan program latihan dan kursus di peringkat kebangsaan dan tempatan.

Mengurus dan menganalisis data kawalan penyakit serta vektor di PBT.

Memberi khidmat nasihat teknikal mengenai kesihatan persekitaran kepada PBT dan PBN.

Menyelaras, menganjur dan membantu kempen-kempen kebersihan, pendidikan dan kesedaran denggi atau lain-lain wabak penyakit yang dilaksanakan oleh JKT serta PBT.

BPKP memainkan peranan dalam penyediaan SOP penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesenjeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesenjeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
http://ikepoh.kpkt.gov.my/

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
http://www.aduansisa.my/

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Operator tandas awam Pantai Saujana diberi notis peringatan

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia bertajuk 'Kemudahan tandas di Pantai Saujana menyedihkan' pada 30 Mei 2017.

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dengan kerjasama Kumpulan Sime Darby yang juga merupakan pemilik penjana tenaga bebas (IPP) Port Dickson telah membina surau dan tandas awam Pantai Saujana sebagai salah satu projek tanggungjawab sosial korporat. Tujuan tandas tersebut dibina adalah untuk kegunaan pengguna surau sahaja.

Sebelum pembinaan surau dan tandas berkenaan, MPPD telah pun menyediakan bilik mandi dan tandas awam dengan jarak lebih kurang 400 meter dari tandas yang dinyatakan dalam aduan. Walau bagaimanapun, tandas itu juga boleh digunakan oleh pengunjung-pengunjung pantai selain daripada untuk mandi. Kemudahan asas yang disediakan di tandas surau ini adalah untuk pengunjung surau dan tandas sahaja.

Pada 1 Februari 2017, operator baharu telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan menangani semua isu pengurusan berkaitan tandas yang disewakan.

Hasil pemeriksaan yang MPPD jalankan di kawasan tersebut mendapati tandas itu hanya diberi penilaian 1 Bintang sahaja berdasarkan markah pada 24 Mac 2017 berbanding 3 Bintang mengikut penilaian yang dilakukan 28 Februari 2017. Notis peringatan



Tandas Awam Pantai Saujana II yang terletak berhampiran surau Pantai Saujana.

telah dikeluarkan kepada operator untuk mempertingkatkan tahap kebersihan tandas tersebut.

Berdasarkan rekod MPPD, penilaian tandas tersebut pada tahun 2016 adalah pada tahap 4 Bintang (19 Mac 2016) dan 3 Bintang (7 April, 19 Oktober 2016) iaitu semasa di bawah pengendalian operator lain.

Notis peringatan kedua disyorkan untuk dikeluarkan kepada operator dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Harta MPPD untuk pertimbangan lanjut. Ketika ini, MPPD sedang membuat pemantauan kepada operator terbabit secara berterusan agar masalah tidak berulang lagi serta menambah papan tanda tunjuk arah ke bilik air dan tandas awam Pantai Saujana untuk kemudahan orang ramai.



Keratan aduan yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada 30 Mei 2017.

MPPD juga mengalu-alukan cadangan daripada pengadu berkenaan isu menambah bilangan kubikel tandas serta penyediaan bilik mandi khas bagi mengatasi masalah yang timbul.

Sehubungan itu, MPPD akan mengemukakan kertas kerja cadangan permohonan peruntukan untuk membina bilik mandi tambahan di kawasan aduan demi keselesaan pengunjung dan akan dipanjangkan dalam tempoh terdekat kepada Jabatan Kerajaan Tempatan.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Pasar Taman Tun Sardon, Pulau Pinang.



Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang, Kangar, Perlis.




Majlis Penyerahan Bantuan Banjir oleh Menteri Kesenjeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tan Sri Noh Omar di IKBN Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor.



KPJ Seremban, Negeri Sembilan.



MiCoST, Melaka.



TINDAKAN PEMANTAUAN YANG DILAKUKAN

DENGUE FEVER INFORMATION CENTRE, JABATAN KERAJAAN TEMPATAN, KPKT (DFIC-KPKT)

BERPERANAN UNTUK MENGEMAS KINI DAN MENERIMA MAKLUMAT
MENGENAI SITUASI MINGGUAN DAN TINDAKAN KAWALAN DENGGI
OLEH PBT DI KAWASAN PANAS (HOTSPOT)

PELAN TINDAKAN PBT DI LOKALITI HOTSPOT

MEMBERIKAN TUMPUAN TERHADAP AKTIVITI KAWALAN DAN PENCEGAHAN
DENGGI YANG DIJALANKAN OLEH PBT IAITU PEMERIKSAAN PEMBIAKAN AEDES
(PPA), PEMUSNAHAN JEJENTIK (LARVICIDING), AKTIVITI CARI DAN MUSNAH (S&D)
DAN PENGUATKUASAAN DI TEMPAT-TEMPAT YANG BERPOTENSI MENJADI
TEMPAT PEMBIAKAN AEDES

PENERBITAN DAN PENGEDARAN DENGUE ALERT

MENYEDIAKAN DAN MENERBITKAN SEBANYAK 24 EDISI DENGUE ALERT



www.kpkt.gov.my



@kpkt_gov



KPKT Malaysia



KPKT Malaysia



KPKT



PLANMalaysia

KEPERLUAN PENYEDIAAN DPF DESA NEGARA

1

Terdapat pelbagai
maklumat, kajian
dan definisi berkaitan
desa yang perlu
diselaraskan

4

Pelbagai ciri desa
dan jenis kampung
yang perlu dirancang
dengan efisien

7

Penghakisan
imej dan identiti
desa

2

Jurang
Bandar - Desa

5

Aset sumber jaya
dan biodiversiti desa
tidak digunakan
secara mampan

8

Kegagalan fungsi
PPD sebagai pusat
perkhidmatan

3

Kehilangan
golongan tenaga
kerja yang aktif

6

Produk warisan
desa tidak
dipelihara sebagai
tarikan desa

9

Pertindihan fungsi
dan peruntukan
keuangan di pelbagai
kementerian



www.kpkt.gov.my



PLANMalaysia



@planmalaysia



@kpkt_gov



KPKT Malaysia



KPKT Malaysia



kpkt

Jangan bimbang keputusan perlawanan persahabatan

Bukan petunjuk prestasi sebenar The Red Giants

KEPUTUSAN beberapa perlawanan persahabatan melibatkan *The Red Giants* sepanjang bulan Ramadhan lalu tidak seharusnya dijadikan kayu pengukur prestasi sebenar pasukan tersebut.

Pengurusnya, Abdul Rauf Ahmad berkata, penyokong Selangor tidak seharusnya bimbang dengan keputusan dua perlawanan persahabatan baru-baru ini yang menyaksikan pasukan kendalian jurulatih, P. Maniam itu tewas kepada UiTM FC dan Negeri Sembilan.

Menurut beliau, kesemua perlawanan persahabatan tersebut merupakan medan untuk Maniam membuat penilaian bagi memilih barisan terbaik dalam menghadapi baki saingan Liga Super musim ini.

"Akhirnya, kita mencatatkan kemenangan 3-0 dalam perlawanan persahabatan ketiga menentang PJ Rangers di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 20 Jun lalu.

"Berdasarkan prestasi dalam tiga perlawanan persahabatan itu, kita bercadang untuk menggunakan formasi 4-4-3 yang dilihat lebih mantap.

Dalam perlawanan persahabatan menentang PJ Rangers itu, dua gol Selangor dijaringkan oleh Rufino Segovia del Burgo dan satu lagi gol disumbangkan oleh Fittri Shazwan.

Abdul Rauf menambah, keserasian barisan penyerang Selangor yang terdiri daripada Rufino, Amri Yahyah dan Francis Forkey Doe turut diuji dan diperkemarkan dalam ketiga-tiga perlawanan persahabatan berkenaan.

Selain itu, beliau memberitahu, *The Red Giants* juga akan menyuntik nafas baharu dengan membawa masuk beberapa pemain yang beraksi dalam Piala Presiden.

Aksi menarik perlawanan persahabatan antara Selangor dan PJ Rangers di Stadium MBPJ, Petaling Jaya, Selangor pada 20 Jun lalu. - Ihsan FAS



faselangor.my



Beregu wanita masih jadi sandaran emas

MESKIPUN menunjukkan penurunan prestasi yang ketara selain digugurkan daripada Kejohanan Badminton Siri Super Terbuka Australia, pasangan beregu wanita negara, Vivian Hoo-Woon Khe Kei masih lagi menjadi sandaran negara untuk meraih pingat emas Sukan SEA 2017.

Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria berkata, misi utama mereka adalah untuk merealisasikan sasaran yang ditetapkan di temasya sukan berkenaan.

Katanya, mereka masih memiliki keupayaan untuk mencapai hasrat negara pada temasya dwitahunan tersebut dan atas dasar itu, mereka dipilih untuk beraksi pada Sukan SEA dan bukannya pada Kejohanan Dunia di Glasgow.

"Saya amat bimbang dengan prestasi mereka terutama selepas gagal beraksi dengan baik sejak Piala Sudirman sebelum meneruskan aksi hambar dalam Terbuka Indonesia minggu lalu.

"Mereka juga perlu meningkatkan semula prestasi melalui latihan intensif berbanding penyertaan da-

lam kejohanan-kejohanan lain yang sudah pasti akan mengurangkan lagi keyakinan mereka, malah kebanyakan pemain yang dipilih untuk ke Sukan SEA sudah pasti akan beraksi dengan baik kerana mereka adalah harapan para peminat badminton negara selain faktor Malaysia sebagai tuan rumah," katanya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Vivian-Khe Wei digugurkan daripada Kejohanan Terbuka Indonesia baru-baru ini selepas menunjukkan penurunan prestasi yang ketara dalam beberapa kejohanan sebelum ini.

Sementara itu, Mohamad Norza berkata, beliau telah mengadakan perbincangan bersama Vivian-Khe Wei serta jurulatih mereka, Wong Pei Tty mengenai perkara itu sama seperti yang dilakukan terhadap pasangan Goh V Shem-Tan Wee Kiong dan jurulatih, Jeremy Gan.

"Sebagai pemain utama negara yang pernah beraksi dalam Sukan Olimpik, mereka merupakan teras kepada pasukan, jadi mereka perlu tunjukkan kepimpinan yang baik bagi dijadikan contoh oleh barisan pemain muda negara," jelasnya.



Vivian Hoo-Woon Khe Kei masih menjadi sandaran meraih emas dalam Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur meskipun berdepan dengan kemerosotan prestasi.

Kerosakan tangki menyebabkan penduduk Pangsapuri PKNS Seksyen 18 Shah Alam mengalami masalah gangguan bekalan air sejak beberapa tahun lalu.

30 tangki air Pangsapuri PKNS Seksyen 18 diganti

Ambil tindakan atasi masalah gangguan air

PENDERITAAN penghuni di lima blok Pangsapuri Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 18, Shah Alam, Selangor yang menghadapi gangguan bekalan air sejak beberapa tahun lalu bakal berakhir selepas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, secara keseluruhan, peruntukan sebanyak RM2 juta akan disalurkan bagi menaik taraf pelbagai kemudahan di pangsapuri berkenaan yang usang dan telah lama tidak diganti.

Menurut beliau, daripada jumlah peruntukan berkenaan, sebanyak RM1 juta akan digunakan untuk mengecat semula pangsapuri manakala RM500,000 akan digunakan untuk menampung kos menggantikan kesemua 30 tangki air yang tidak pernah ditukar meskipun penduduk telah mengemukakan banyak rayuan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Noh memberitahu, sebanyak RM500,000

» Hasil lawatan ini, saya dapati ada 30 tangki air yang perlu diganti dan saya telah bersetuju untuk menukarnya. »

TAN SRI NOH OMAR

lagi akan digunakan untuk membina sebuah dewan terbuka yang lengkap dengan sebuah gelanggang futsal berbumbung.

"Meskipun pangsapuri ini milik PKNS, saya rasa terpanggil untuk melawatnya selepas mendengar rungutan daripada penduduk tentang tangki air yang tidak berfungsi sejak sekian lama sehingga menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan masalah bekalan air.

"Hasil lawatan ini, saya dapati ada 30 tangki air yang perlu diganti dan saya telah bersetuju untuk menukarnya.

"Saya juga melihat sendiri keadaan flat lima tingkat ini yang sudah usang kerana tidak dicat dan kita bersetuju untuk mengecatnya semula," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Pangsapuri PKNS Seksyen 18, Shah Alam baru-baru ini.

Berhubung pembinaan dewan yang lengkap dengan gelanggang futsal yang menelan belanja RM500,000 itu pula, Noh berkata, penduduk sukar untuk mengadakan program kemasyarakatan kerana tiada dewan besar di sekitar kawasan tersebut.

"Ini sekurang-kurangnya bukan sahaja dapat memberi peluang untuk anak muda beriadah dan mengelakkan mereka daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah, malah penduduk di sini juga boleh menggunakannya untuk program kemasyarakatan seperti kenduri dan sebagainya," ujarnya.

Beliau menambah, kerja-kerja menukar tangki, mengecat dan membina dewan terbuka termasuk sebuah gelanggang futsal itu akan dilaksanakan tahun ini dalam tempoh tiga bulan.

Tan Sri Noh Omar semasa mengadakan lawatan kerja di Pangsapuri PKNS Seksyen 18, Shah Alam baru-baru ini.





46 aduan gagal kemuka dokumen perjanjian
muka 10



Operator tandas awam Pantai Saujana diberi notis peringatan
muka 12



Beregu wanita masih jadi sandaran emas
muka 14

Buletin Bandar

26 JUN - 2 JULAI 2017 • 2 - 8 SYAWAL 1438

Derita penduduk Pangsapuri PKNS Seksyen 18

Tangki air rosak, bangunan kusam

"Meskipun pangsapuri ini milik PKNS, saya rasa terpenggil untuk melawatnya selepas mendengar rungutan daripada penduduk tentang tangki air yang tidak berfungsi sejak sekian lama sehingga menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan masalah bekalan air."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



muka 15